



Since 1975

# BINA PURI HOLDINGS BHD

## PRESS RELEASE

Berita Harian  
14 September 2010

### Bina Puri agresif bida projek profil tinggi RM4 bilion

**B**INA Puri Holdings Bhd yang baru meraih projek pembinaan bernilai RM500 juta di Iskandar Malaysia, kini semakin agresif membida beberapa lagi projek baru di dalam dan luar negara dengan keseluruhannya bernilai RM4 bilion.

Pengarah Eksekutifnya, Matthew Tee, berkata daripada projek yang dibida itu, 70 peratus adalah projek pembinaan dalam negara.

"Kami sudah melaksanakan kerja yang sepatutnya termasuk mengemukakan surat bidaan rasmi bagi meraih projek yang dikehendaki.

"Justeru, berdasarkan rekod kejayaan yang diraih dalam urus niaga serta pengalaman kumpulan dalam melaksanakan projek berimpak tinggi sebelum ini, kami yakin berupaya memperoleh 10 peratus daripada RM4 bilion projek yang dibida itu tahun ini," katanya ketika ditemui *Berita Harian* di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Tee berkata, antara projek berprofil tinggi yang sedang

dibida di pasaran tempatan termasuk dua projek sambungan baru bagi laluan Transit Aliran Ringan (LRT) Kelana Jaya dan Ampang yang dianggarkan bernilai RM7 bilion.

Bina Puri, katanya, sudah mengemukakan tender bagi projek LRT itu Isnin lalu dan yakin berupaya meraih kontrak berkenaan tidak lama lagi.

"Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan sedang memperhalusi bidaan yang daripada kira-kira 17 syarikat pembinaan yang sudah menghantar bidaan masing-masing.

"Hasil bidaan itu dijangka akan diumumkan kerajaan dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi atau paling cepat kami jangkakan dalam tempoh sebulan, manakala surat tawaran akan dikeluarkan dalam tempoh terdekat selepas pengumuman itu," kataanya sambil menambah projek pertama sambungan baru laluan sistem LRT itu dijangka akan mula dibina hujung tahun ini.

Difahamkan, cadangan



sambungan laluan LRT Ampang itu akan bermula dari stesen Sri Petaling, melalui kawasan Kinrara dan Puchong serta berakhir di Putra Heights, meliputi jarak 17.7 kilometer (km) dan 13 stesen baru.

Sambungan baru bagi laluan Kelana Jaya pula bermula dari stesen Kelana Jaya, melalui kawasan Subang Jaya dan USJ serta berakhir di Putra Heights, meliputi jarak sejauh 17 km dan 13 stesen baru.

Projek berkenaan yang sebahagian besarnya disasarkan siap menjelang akhir 2012 itu akan memiliki kemudahan seperti lif, eskalator, surau, telefon awam dan tandas di semua stesen yang terbabit.

Tee berkata, Bina Puri kini memiliki tempahan kontrak bernilai RM2.5 bilion. Diluar negara pula, katanya, syarikat itu kini menyasar untuk menembusi pasaran Arab Saudi, setelah meraih beberapa kontrak pembinaan di Pakistan dan Brunei pada tahun lalu.

"Arab Saudi adalah pasaran baru kami. Akhir tahun lalu, kerajaan negara itu sudah memberi lesen kepada syarikat usaha sama, Bina Puri Saudi Co Ltd untuk beroperasi.

"Syarikat itu sedang membida beberapa projek pembinaan infrastruktur dan bangunan yang keseluruhaninya bernilai hampir RM1 bilion di negara berkenaan," katanya.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor  
Corp Communications Dept  
**BINA PURI HOLDINGS BHD**  
Tel : 03-6136 3333 (3005)  
Fax : 03-6136 9999  
E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)